

Patani Mingguan

HIMPUNAN BERITA DAN ARTIKLE MINGGUAN PATANI

KELUARAN MADRASAH KEWARTAWANAN SEMPADAN SELATAN (DSJ) #

DEEP SOUTH WATCH (DSW)

NEWSLETTER

MASTERA meningkatkan kesusantraan Melayu Patani

pautan: <http://www.deepsouthwatch.org/dsj/6527>



Dewan Bahasa dan Pustaka Melayu Thailand (DBPMT) mengadakan majlis sastera Melayu bekerjasama dengan MASTERA bertujuan untuk mendidik dan meningkatkan kesusasteraan Melayu Patani antarabangsa. Ketua DBPMT telah dapat berkata sejak penubuhan DBPMT bekerjasama dengan agensi-agensi lain baik dalam negeri maupun luar negeri apda 19 November 2014.

Dr.Hamiding Sanor Ketua Dewan Bahasa dan Pustaka Melayu Thailand (DBPMT) berkata bahawa majlis ini bertujuan untuk meningkatkan sastera Melayu kepada pensyarah, guru dan penulis sastera di selatan Thailand lebih berkualiti, digalakkan untuk beraktiviti hal yang berkaitan dengan pembangunan Melayu dalam pelbagai bentuk seperti puisi dan sastera di bawah MESTERA atau Majlis Sastera Asia Tenggara.

Dr.Hamiding berkata tujuan yang ditubuhkan untuk member kepentingan kepada puisi dan sastera Melayu, memantau dan menjelaki pergerakan kesusasteraan Melayu dan acaranya yang di adakan tiap-tiap tahun mengikut negeri anggota MASTERA.

Dr.Hamiding berkata bahawa DBPMT telah menyertai MASTERA ia akan menjadi sangat berguna kepada sastera Melayu di selatan Thailand, yang pertama untuk membina hubungan antara negara-negara yang menjadi ahli MASTERA lebih dekat dan mempunyai peranan atau penglibatan dalam pemeliharaan puisi atau sastera Melayu, dapatlah bahasa Melayu Patani dibangunkan, diterbitkan dan dikenali di seluruh dunia.

Dr.Hamiding berkata sejak penubuhan DBPMT pada 12 Oktober 2013, DBPMT telah melaksanakan beberapa aktiviti acara itu seperti mengadakan pidato bahasa Melayu dan dapat kerjasama dengan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) akan membangunkan pelajar Melayu dan meningkatkan penggunaan bahasa Melayu lebih baik, maka DBPMT Berjaya menghantar 7 orang pelajar sebagai wakil 5 wilayah sempadan pada 2 September 2014 lalu

Patani Mingguan

Dari Meja Editor



Dalam suasana yang tiada dalam keamanan, kekerasan selalu berlaku harian di Patani, tetapi semangat untuk membangunkan kebudayaan melayu sering yang mana ia adalah tunjang kepada bangsa makin sehari makin kuat. namun dari gulungan akademik, pertubuhan2 organisasi dan juga darigulungan pemuda generasi baru.

Kebangkitan ini juga sama dengan issu sejarah patani yang makin hari makin bertambah kesedaran dan bertambah kegiatan di kalangan orang melayu yang semasa dulu hanya bisikan dalam selimut. Ini adalah karana pihak akademik Thai menyedari bahawa pembukaan sejarah silam tanah ayer ini adalah satu cara membangunkan kedamaian.

Peranan Pusat Tadbiran Wilayah Sempadan Selatan atau SBPAC juga satu kegiatan utama yang dijalankan menuju kedamaian walaupun terpandang keliru dari setengah pehak oleh karana jejak langkah-nya ikut serta dengan army yang bersenjata.

Semua-nya adalah kebenaran yang berlaku di sampingnya banyak lagi kebenaran yang akan di pasti. ikutilah kami setiap minggu.

Saronee Duereh
 Editor
 saronee.d@dsjgroup.org

SBPAC memaklumkan projek tahun 2015

penterjemah: Asi Chemaeng

pautan: <http://www.deepsouthwatch.org/dsj/6503>

Pada tanggal 8 Disember 2557 Pusat Pentadbiran Wilayah Sempadan Selatan (SBPAC) mengadakan mesyuarat untuk memaklumkan 5 projek yang akan dilaksanakan pada tahun 2015 yang dititikberat kepada kemajuan rakyat dan membina harapan terhadap keamanan Negara.

Mesyuarat kali ini diketua oleh Phanu Uthairat setiausaha Agung SBPAC beliau memaklumkan projek-projek yang akan dilaksanakan pada tahun 2015 kepada 44 orang pengawas dalam 4 wilayah iaitu Yala, Pattani, Narathiwat dan Satun dan 4 daerah dalam Wilayah Songkhla beserta dengan lebih kurang 160 orang pengawai.

Phanu Uthairat mengatakan bahawa beliau inginkan bahawa semua pihak bekerja bersungguh atas tanggung jawab diri sendiri untuk mendorong kedamaian dalam bentuk pembangunan. Dalam bahagian ekonomi, beliau telah usahakan memujuk peniaga-peniaga di serantau ini untuk mengembangkan perniagaan mereka sendiri. Beliau harap kepada semua pihak yang bertanggung jawab bekerja dalam bentuk penyelarasan untuk menjadi lebih dekat dengan rakyat dan rakyat sediripun meyakini kepada pihak kerajaan.

Projek penyelidikan Pattani di Chiang Mai.

penterjemah: Asi Chemaeng

pautan: <http://www.deepsouthwatch.org/dsj/6484>

Pada Tanggal 27 - 29 November 2557 yang telah lepas Fakulti Kemanusiaan, Universiti Chiang Mai bersama dengan Penyelidikan Kemanusiaan Thai melaksanakan persidangan akademik antarabangsa yang bertajuk perubahan kumanusiaan dalam dunia yang berubah (Changing Humanities in Changing World) kali yang kelapan

Dalam persidangan kali ini terdapat 4 subjek artikel yang berhubungan tentang wilayah sempadan selatan thai. Antara salah satu artikel yang tertarik ialah ‘Islam dalam Politik Thai’ daripada Imron Sahoh, Pelajar ijazah sarjana , Jurusan Konflik dan Pengajian Keamanan, Universiti Prince of Songkla

Imron Sahoh mahu menyampaikan tentang pergerakan orang muslim dalam politik negeri thai setelah mempunyai perubahan ke rejim demokrasi sejak pada tahun 1932. Beliau mengatakan bahawa pada masa kini kumpulan pergerakan islam di luar negeri berkecenderungan ke dalam kuasa demokrasi tetapi perkara tersebut sukar untuk dilakukan bagi kelakuan di selatan thai dengan kerana keadaan politik thai yang bukan demokrasi dengan sepenuhnya.

‘BUMI-PICSEB’ membangunkan identiti Melayu Patani

pautan: <http://www.deepsouthwatch.org/dsj/6487>



‘BUMI’ organisasi baru yang ingin membangunkan identiti Melayu Patani, merangsang masyarakat ingin mengada aktiviti dan menghargai kebudayaan lama. Bagi ‘PICSEB’ menekan kepada sastra Melayu Patani dengan kepercayaan bahawa sastra dapat mengubah seseorang kejalan yang baik.

Encik Khoiruddeen Idris ketua Pusat Kebudayaan Selatan (BUMI) memberi tahu tentang latar belakangnya, pada tahun 2011 membangunkan organisasi ini, tujuan yang pentingnya untuk menyebarkan kebudayaan Melayu Patani dan identiti Melayu Patani

Dengan sebab BUMI tidak banyak di kenal, seterusnya BUMI ingin mengadakan aktiviti mengikut tempat masing-masing untuk di kenal semua tempat, oleh kerana itu kumpulan kompang ikut bersama BUMI mengikut semua tempat yang beraeda untuk menarik kepada masyarakat.

Kumpulan kompang yang ikut aktiviti iaitu kumpulan MUSRA, tetapi sekarang sudah ada kumpulan yang dibangun oleh BUMI sediri sebanyaknya 18 kumpulan.

Aktiviti yang BUMI bangun itu dalam isi kandung anasid itu berkaitan dengan identiti Melayu Patani dan bersatu badu dalam masyarakat bersama.

Klab Pemuliharaan dan kebudayaan (PICSEB)

Encik Muhammat Asadi Lateh ketua berkata klab ini ada 4 orang anggotanya yang bersama suka dengan kebudayaan Melayu Patani, 4 orang ini berasal dari selatan Thailand yang sudah lama tinggal di Malaysia, dan balik ke selatan Thailand terus membangunkan klab PICSEB sebuah organisasi yang memberi kepentingan kepada sastra Melayu Patani dan organisasi yang mengadakan kursus untuk guru tadika tentang teknik-teknik mengajar.

Tujuan bagi PICSEB untuk menyebarkan sastra Melayu Patani oleh sebab sastra itu dapat mengubah seseorang kepada jalan yang baik, tetapi kebanyakkan sastra tidak di inginkan untuk pelajari, terdapat PICSEB pun ingin membangunkan sebagai klab yang menyebarkan sastra Melayu Patani.